

SEJARAH TINGKATAN 2 CIKGU HAKIM

SEJARAH TINGKATAN 2			
BAB	TOPIK	TARIKH	CATATAN
1	KERAJAAN ALAM MELAYU		
2	SISTEM PEMERINTAHAN DAN KEGIATAN EKONOMI MASYARAKAT KERAJAAN ALAM MELAYU		
3	SOSIOBUDAYA MASYARAKAT KERAJAAN ALAM MELAYU		
4	AGAMA KEPERCAYAAN DAN KEUNIKAN WARISAN MASYARAKAT KERAJAAN ALAM MELAYU		
5	KESULTANAN MELAYU MELAKA		
6	KESULTANAN JOHOR RIAU		
7	KESULTANAN MELAYU PAHANG, PERAK, TERENGGANU, SELANGOR		
8	KERAJAAN KEDAH, KELANTAN, NEGERI SEMBILAN DAN PERLIS		
9	WARISAN KERAJAAN KEDAH, KELANTAN, NEGERI SEMBILAN DAN PERLIS		
10	SARAWAK DAN SABAH		

BAB

5 KESULTANAN MELAYU MELAKA

5.1 Pengasasan Kesultanan Melayu Melaka

Pemilihan Lokasi yang Strategik oleh Parameswara

1 Laluan perdagangan

- Dapat mengawal laluan kapal dagang kerana Melaka terletak di laluan perdagangan utama antara timur dengan barat

2 Bentuk muka bumi

- Bukit bukau menjadi benteng pertahanan dan panduan kapal dagang

3 Benteng pertahanan

- Pokok bakau dan api-api menjadi benteng pertahanan dan pelindung semula jadi yang sukar ditembusi oleh musuh

4 Terlindung daripada angin monsun

- Kapal dagang dapat datang dan berlabuh dengan selamat
- Muara sungai yang terletak di Selat Melaka terlindung daripada tiupan angin monsun

5.2 Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka

Faktor Kegemilangan

1 Kepimpinan raja

1 Keturunan Raja Palembang

- Berasal daripada keturunan anak Raja Palembang yang bersusur galur daripada Iskandar Zulkarnain (teks *Sulalatus Salatin*)
- Memberikan taraf kedudukan yang tinggi kepada Sultan Melaka

3 Daulat dan alat kebesaran

- Daulat – kuasa dan kewibawaan raja sebagai pemimpin
- Rakyat memberikan taat setia dan tidak boleh menderhaka
- Alat kebesaran diraja – cap mohor, nobat, keris, lembing dan mahkota
- Alat kebesaran digunakan semasa upacara istiadat pertabalan, perkahwinan dan kemangkatan raja
- Menjadikan raja mempunyai kedudukan yang tinggi dan istimewa
- Mengukuhkan kedudukan raja

2 Peranan raja yang unggul

- Simbol perpaduan dan kemakmuran
- Ketua angkatan tentera
- Mengetuai hubungan diplomatik
- Menyelaraskan kegiatan ekonomi
- Ketua agama Islam
- Menegakkan keadilan

4 Kewibawaan

- Raja bersifat adil, berwibawa dan mengambil berat kebijakan rakyat
- Memerintah berdasarkan bidang kuasa dalam *Hukum Kanun Melaka*
- Sultan Muzaffar Shah dan Sultan Mansur Shah merupakan pemerintah yang mengutamakan keamanan dan kebijakan rakyat
- Nasihat Sultan Mansur Shah kepada puteranya, Sultan Alauddin Riayat Shah – adil terhadap rakyat, siasat tuduhan dengan teliti, bekerjasama dengan pegawai

Sistem pentadbiran



- Sultan
- Pembesar Berempat
- Pembesar Berlapan
- Pembesar Enam Belas
- Pembesar Tiga Puluh Dua

Sistem Pembesar Empat Lipatan

Sistem Pembesar Empat Lipatan

- Sultan dibantu oleh pembesar berempat, pembesar berlapan, pembesar enam belas dan pembesar tiga puluh dua
- Pembesar ini merupakan pentadbir kerajaan pada peringkat pusat, jajahan, daerah, mukim dan kampung

Tugas pembesar

- Mewujudkan pentadbiran yang berkesan
- Menjaga keamanan kawasan
- Mengutip cukai dan hasil lain melalui sistem serah
- Membekalkan tenaga tentera ketika perang
- Menyediakan tenaga buruh melalui sistem kerah

Bendahara
<ul style="list-style-type: none"> • Penasihat raja • Menteri utama peringkat pusat • Ketua turus angkatan perang • Ketua hakim • Pemangku sultan

Penghulu Bendahari
<ul style="list-style-type: none"> • Pemungut hasil/ ufti • Ketua segala bendahari • Ketua urus setia istana • Ketua syahbandar

Temenggung
<ul style="list-style-type: none"> • Ketua polis dan penjara • Penguasa bandar dan kota Melaka • Pegawai protokol istana • Hakim di darat

Laksamana
<ul style="list-style-type: none"> • Ketua angkatan laut • Pengawal peribadi raja • Ketua duta • Ketua utusan ke negara luar • Hakim di laut

Sistem perundangan



Hukum Kanun Melaka

- Ditulis semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah
- Disusun semula semasa pemerintahan Sultan Mahmud Shah
- Mengandungi 44 fasal tentang hak keistimewaan, tanggungjawab raja dan pembesar
- Hukum Islam tentang jenayah, urusan jual beli dan kekeluargaan

Undang-Undang Laut Melaka

- Ditulis semasa zaman Sultan Mahmud Shah
- Bertujuan menentukan peraturan pelayaran dan perdagangan
- Mengandungi 25 fasal tentang peraturan di laut, tertib bermiaga dan tatacara berjual beli
- Berkaitan tanggungjawab nakhoda, anak kapal, kiwi dan syahbandar
- Menyebabkan aktiviti perdagangan berjalan dengan lancar dan adil

Undang-undang adat (Adat Temenggung)

- Diasaskan oleh Datuk Ketemenggungan
- Berkaitan sistem pemerintahan, perwarisan takhta, perkahwinan, perwarisan harta dan perundangan
- Berkaitan sistem penggantian sultan (takhta kerajaan diwarisi oleh anak lelaki sulung)
- Mengamalkan sistem pemerintahan beraja (kuasa tertinggi adalah sultan atau raja)
- Membolehkan sistem perwarisan takhta berlaku secara teratur
- Diamalkan di semua negeri Melayu kecuali Negeri Sembilan

- 2 (a) Huraikan kebijaksanaan pemerintah dalam memilih dan membangunkan pusat pemerintahan.

[6 markah]

- (b) Kebijaksanaan pemerintah dapat dilihat melalui bentuk hubungan diplomatik yang dijalankan.
Bincangkan.

[6 markah]

- (c) Pada pendapat anda, bagaimakah cara untuk melahirkan seorang tokoh pemimpin berwibawa yang mampu membangunkan negara? **Cuba!**

Pendidikan Sivik Nilai teras: Bertanggungjawab

[8 markah]

(a) Buku Teks m/s 61

- lokasi strategik
- pesisir pantai, lembah sungai
- kegiatan pertanian
- sungai
- laluan pengangkutan utama
- laluan antarabangsa
- pelabuhan Oc Eo
- petunjuk arah
- bukit, gunung, teluk

(b) Buku Teks m/s 61

- kemakmuran kerajaan
- kedaulatan
- perlindungan
- jaringan perdagangan
- agama dan budaya
- tiga bentuk
- persahabatan
- Srivijaya
- ketenteraan atau senjata
- selesaikan pemberontakan
- perkahwinan
- puteri kerajaan Singhasari

(c) - sistem pendidikan

- modal insan
- jati diri
- kemahiran
- ICT
- ajaran agama
- pendidikan tinggi
- pengetahuan luas
- patriotik

[Mana-mana jawapan yang munasabah]

Aspek Kegemilangan

Empayar yang luas

Cara pembentukan empayar

Penaklukan

- Menjamin keselamatan dan kemakmuran Kesultanan Melayu Melaka
- Kawasan taklukan di Semenanjung Tanah Melayu: Kuala Linggi, Beruas, Pahang, Terengganu, Kelantan
- Kawasan taklukan di Sumatera: Siak, Rokan, Kampar, Rupat

Perkahwinan

- Antara Sultan Melaka dengan puteri diraja kerajaan lain
- Mengukuhkan hubungan persahabatan dan kekeluargaan antara kerajaan Melaka dengan kerajaan lain
- Perkahwinan Sultan Mansur Shah dengan puteri Majapahit, Raden Galuh Cendera Kirana

Naungan

- Pemerintah kerajaan lain (Lingga, Patani, Kedah) rela bernaung di bawah Kesultanan Melayu Melaka
- Raja yang berada di bawah naungan Melaka ditabalkan oleh sultan

Kepentingan pembentukan empayar

Politik

- Meluaskan wilayah dan jajahan takluk
- Mengukuhkan hubungan dengan kerajaan yang ditakluk
- Menyekat pengaruh kuasa serantau seperti Siam, Majapahit dan Pasai

Ekonomi

- Menerima hadiah dalam bentuk wang, emas, timah dan bantuan ketenteraan
- Mendapat bekalan seperti hasil pertanian, rempah-ratus dan bijih timah untuk diperdagangkan di pelabuhan Melaka
- Menguasai perdagangan di Selat Melaka

Sosial

- Berlaku asimilasi budaya tempatan dengan budaya dari Arab, India, China dan Alam Melayu
- Wujud masyarakat majmuk yang terdiri daripada pelbagai suku dan bangsa

Agama

- Mendorong usaha penyebaran agama Islam
- Islam berkembang ke Pahang, Kelantan, Perak, timur Sumatera dan Patani

Pentadbiran empayar

Pentadbiran pusat

- Pusat pemerintahan dan pentadbiran di Melaka yang terletaknya tempat raja bersemayam
- Raja dibantu oleh pembesar pusat

Pentadbiran kawasan naungan

- Kawasan naungan ialah kawasan yang mengakui ketuanan Melaka dan menghantar ufti
- Pemerintahan diketuai oleh pemerintah negeri berkenaan dan dibantu oleh pembesar tempatan

Pentadbiran kawasan jajahan

- Pemerintahan diketuai oleh pemerintah yang dilantik oleh Sultan Melaka

Pusat penyebaran Islam

Cara penyebaran agama Islam

Pengislaman pemerintah

- Pengislaman Sultan Iskandar Shah pada tahun 1414 diikuti para pembesar dan rakyat
- Sultan Muzaffar Shah menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi Kesultanan Melayu Melaka

Perkahwinan

- Perkahwinan puteri Sultan Mansur Shah dengan putera Raja Siak

Perluasan kuasa

- Negeri naungan dan jajahan memeluk Islam sebagai tanda taat setia kepada pemerintah Melaka

Peranan ulama dan mubaligh

- Menghantar ulama dan mubaligh ke seluruh kawasan pengaruhnya
- Ajaran tasawuf dan sufi dikembangkan melalui ulama dari Timur Tengah dan India
- Sultan Alauddin Riayat Syah menghantar ulama untuk mengajar Raja Pahang, Kampar dan Inderagiri tentang hal ehwal agama

Perdagangan

- Pedagang Arab, India dan China mempunyai sifat mubaligh yang mendorong penyebaran Islam
- Menyebarluaskan Islam ke Brunei, Filipina dan kepulauan Indonesia

Kesan penyebaran agama Islam

Tumpuan ulama

- Sultan Melaka menjadi penaung kepada aktiviti dakwah dan perbincangan kitab agama seperti *Darul Manzum*

Persuratan

- Pengaruh Islam dalam saduran karya sastera dari Arab dan Parsi: *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah*, *Hikayat Amir Hamzah*
- Perkembangan tulisan Jawi dan bahasa Melayu menjadi bahasa persuratan dan bahasa penulisan

Tempat pembelajaran

- Semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah, madrasah, masjid dan surau menjadi tempat mempelajari al-Quran dan ilmu tasawuf

Pemerintahan dan pentadbiran

- Undang-undang Islam terkandung dalam *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-Undang Laut Melaka*
- Ulama berperanan penting dalam hal pentadbiran
- Mufti dan kadi berperanan melicinkan pengurusan agama Islam

Pusat perdagangan

Kedudukan strategik

- Melaka terletak di laluan perdagangan antara India dan China
- Dikunjungi pedagang dari dalam dan luar Alam Melayu
- Muncul sebagai pusat perdagangan dan pelabuhan yang maju

Pusat pengumpulan dan pengedaran pelbagai barang

- Barang yang dikumpul dan diedarkan kepada pedagang luar (diperoleh daripada negeri naungan, jajahan dan sekitar Alam Melayu): Timah, emas, kapur barus, hasil hutan, rempah-ratus
- Barangan luar yang dibawa masuk ke Melaka: Benang emas, kain pelikat, batu delima, tembikar, wangian, bahan makanan

Dikunjungi pedagang dari dalam dan luar Alam Melayu

- Pedagang Arab, China dan Gujerat paling ramai
- Pedagang dari Alam Melayu yang paling ramai ialah Pasai dan Jawa
- Dikunjungi pedagang dari Brunei, Pegu, Parsi, Turki, Mesir, Luzon, Ceylon, Burma, Kemboja, Champa dan Annam

Pusat perkapalan

- Dikunjungi pelbagai jenis kapal besar dan kecil
- Kapal kecil: Perahu, sampan, ghurab, penjajap, sagur, payar, baluk, lancang, kakap, balang, kelulus
- Kapal besar: Jong, bahtera



Jong



Lancang

Pengurusan perdagangan

Syahbandar

- Mengurus pasar dan gudang
- Menjaga kebijakan serta keselamatan pedagang
- Memeriksa alat timbang, sukat dan mata wang
- Menjadi hakim di pelabuhan
- Menguruskan cukai
- Menguatkuasakan peraturan keluar masuk kapal

Mata wang

- Tukaran nilai seperti jongkong timah, serbuk emas dan kulit siput (*cowrie*)
- Mata wang timah (Calains), emas dan perak
- Mata wang dari Pasai, Hormuz dan Cambay

Orang Laut

- Memberikan taat setia kepada raja
- Memastikan urusan perdagangan dijalankan tanpa gangguan
- Pelayar dan penunjuk arah kepada pedagang
- Tentera untuk menjamin keselamatan pedagang di perairan Melaka

Cukai perdagangan

- Pengurusan cukai yang cekap dan sistematik
- Cukai pelabuhan yang rendah
- Cukai rasmi
 - Cukai import/ *Panduan*
 - Kadarnya berbeza mengikut tempat asal pedagang (Arab, India, Ceylon, Siam, Pegu: 6%, Alam Melayu 3%)
 - Bahan makanan seperti beras tidak dikenakan cukai
- Cukai tidak rasmi
 - Dalam bentuk hadiah, pedagang
 - China dan Jepun dikehendaki memberikan hadiah yang nilainya sama dengan cukai 5%

Kemudahan pelabuhan

- Gudang tempat menyimpan barang
- Kemudahan pengangkutan
- Kemudahan bekalan makanan dan minuman
- Khidmat membaiki kapal
- Tempat penginapan
- Syahbandar menjaga kebijakan pedagang
- Kemudahan tempat beribadat

PRAKTIS STRATEGI

5.1 Pengasasan Kesultanan Melayu Melaka

1 Lengkapkan jadual berikut dengan maklumat berkaitan ciri-ciri lokasi strategik Kesultanan Melayu Melaka.

SP 6.1.1 TP1 Buku Teks m/s 72 - 73

Ciri-ciri lokasi strategik Kesultanan Melayu Melaka

- (a) _____
Kedudukan Melaka di laluan perdagangan utama antara _____ membolehkannya _____.
- (b) _____
Melaka mempunyai bentuk muka bumi _____ yang sesuai dijadikan _____ dan menjadi _____.
- (c) _____
Muara sungai yang terletak di _____ terlindung daripada _____. Keadaan ini membolehkan kapal dagang datang dan berlabuh dengan _____.

5.2 Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka

2 Terangkan kepemimpinan raja yang berwibawa dengan melengkapkan jadual berikut.

SP 6.1.2 TP2 Buku Teks m/s 74 - 75

(a) Keturunan Raja Palembang	(b) Kewibawaan
Berdasarkan teks _____, pemerintah Melaka berketurunan Raja Palembang yang bersusur galur daripada _____.	Raja memerintah berdasarkan bidang kuasa yang ditetapkan mengikut _____.
(c) Daulat dan alat kebesaran	(d) Peranan yang unggul
(i) _____ merupakan kuasa dan kewibawaan raja sebagai pemimpin. (ii) _____ mengakui kedaulatan raja dengan memberikan _____ dan tidak boleh _____. (iii) Alat kebesaran digunakan semasa upacara _____ dan _____.	Peranan raja dalam sistem pemerintahan: (i) Menjadi _____ (ii) Merupakan _____ (iii) Mengetuai _____ (iv) Menyelaraskan _____ (v) Menjadi _____ (vi) _____